

Sunway terima kontrak MRT RM1.17b

KUALA LUMPUR 18 Mei - Sunway Bhd. mengumumkan Sunway Construction Sdn. Bhd. telah menerima kontrak bernilai RM1.17 bilion untuk cadangan pembinaan Pakej V4 laluan MRT Sg Buloh-Kajang (SBK).

Kontrak itu untuk pembinaan dan penyiapan jejambat dan kerja-kerja berkaitan dari Seksyen 17, Petaling Jaya, ke Semantan Portal.


Sunway Construction ialah anak syarikat milik penuh Sunway Holdings Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat milik penuh Sunway.

Dalam kenyataan hari ini, Sunway berkata tempoh pembinaan cadangan projek itu ialah selama 45 bulan.

Ia berkata, projek itu akan menyumbang secara positif kepada pendapatan Sunway Group bagi tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2012 ke atas.

Cadangan projek itu tertakluk kepada risiko biasa turun naik harga bahan pembinaan.

Bagaimanapun, berdasarkan pengalaman lepas serta kepakaran Sunway Construction dalam projek-projek pembinaan di Malaysia, risiko itu mampu ditangani. - BERNAMA



PROJEK sistem MRT Malaysia kini dalam pembinaan dan dijangka siap 2016. - AP